

NO. SOALAN : 91

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 2 OGOS 2017

SOALAN :

YB. Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan status pemindahan Batu Sumpah dan bagaimana peruntukan RM1.025 juta untuk projek pemindahan Batu Sumpah ini digunakan.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah memperuntukkan sebanyak RM1.025 juta di bawah Rolling Plan Kedua (2017-2018), Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RP 2, RMKe-11) bagi melaksanakan Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan Relokasi Batu Sumpah Peringatan Mengikut Perlembagaan, Keningau di mana penyerahan peruntukan telah disempurnakan pada 1 Mei 2017 yang lalu. Komponen yang diluluskan bagi projek ini adalah seperti berikut:

- i. Kerja-kerja pemindahan Batu Sumpah;
- ii. Pembinaan jalan baharu;
- iii. Plaza;
- iv. Historical wall;
- v. Softscape;
- vi. Plak Batu Sumpah; dan
- vii. Tempat letak kenderaan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (92)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 2 OGOS 2017
[RABU]

DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]

SOALAN :-

YB Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah langkah-langkah serta tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan bagi melaksanakan pelan strategik mengenai pengurusan pembaziran makanan (food waste management) yang diumumkan pada tahun 2014.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah menjalankan kajian bersama Institute for Global Environmental Strategies - Ministry of the Environment, Japan (IGES-MOEJ) dari tahun 2011 sehingga 2013 untuk membangunkan pelan pembangunan pengurusan sisa makanan di Malaysia iaitu Pelan Pembangunan Pengurusan Sisa Makanan bagi Sektor Industri, Komersil dan Institusi (2016-2026).

Melalui Pelan Pembangunan Pengurusan Sisa Makanan bagi Sektor Industri, Komersil dan Institusi (2016-2026) ini, Kementerian telah mengenal pasti 6 strategi utama dengan 31 pelan tindakan yang memfokuskan peningkatan tanggungjawab oleh penjana sisa makanan di sektor Industri, Komersil dan Institusi (ICI) dengan tempoh sasaran pencapaian yang dirangkakan dari tahun 2016 sehingga 2026.

Melalui pelan ini, pihak Kementerian sedang dalam usaha bagi membangunkan satu pangkalan data pengurusan sisa makanan yang

meliputi butiran maklumat yang lengkap, menyeluruh, terperinci, tepat dan terkini bagi tujuan menyediakan satu platform pelaporan yang dapat memantau pengurusan sisa makanan bagi mengurangkan sisa-sisa makanan dilupuskan di tapak pelupusan. Selain itu, Kementerian juga merancang untuk menggubal Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Sisa Makanan) dan garis panduan berkaitan bagi menyokong pelaksanaan peraturan ini kelak.

Bagi memperkukuhkan tindakan tersebut, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) juga telah menyediakan Pelan Tindakan Komprehensif Pengurusan Sisa Pepejal 2015 - 2020. Plan tindakan ini telah memfokuskan 8 jenis sisa dan salah satu daripadanya adalah sisa makanan. Di bawah pelan tindakan komprehensif ini juga telah menggariskan beberapa tindakan seperti berikut:

- (a) melaksana dan mempromosikan program *Value Food No Waste* bersama pihak hotel dan pengusaha makanan dalam meningkatkan kesedaran mengenai pengurangan sisa makanan dan sekaligus mengelakkan pembaziran makanan;

- (b) menjalinkan kerjasama strategik dengan agensi yang berkaitan seperti Persatuan Hotel Malaysia (*Malaysia Association of Hotels, MAH*) bagi mengaktifkan penglibatan di dalam kempen pengurangan sisa makanan (*Value Food No Waste*) di premis masing-masing bagi mengelakkan lebihan makanan terutamanya di musim perayaan;
- (c) melaksanakan aktiviti perawatan lebihan sisa makanan melalui kaedah pengkomposan bagi mengelakkan lebihan makanan tersebut dibuang terus ke tapak pelupusan; dan
- (d) menjalinkan kerjasama strategik dengan Badan Bukan Kerajaan seperti *Food Aid Foundation*, Persatuan Pemuda Malaysia (GEMA), *GrubCycle* dan lain-lain dalam usaha menyelamatkan makanan yang masih boleh dimakan dari dibuang dan menyumbang kepada pembaziran.

Hasil dari kajian dan penyelidikan yang telah dijalankan, Kementerian melalui SWCorp juga kini ke arah memperkenalkan Rawatan Dari Sumber (*Treatment At Source*) supaya kaedah-kaedah dan teknologi yang bersesuaian seperti mesin kompos dan *Anaerobic Digester* dapat

digunakan bagi merawat sisa makanan dari dibuang ke tapak pelupusan sekaligus mengurangkan perbelanjaan rawatan sisa pepejal.

SWCorp juga berkolaborasi bersama MARDI bagi melaksanakan program *My Save Food* seperti yang telah dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 10 Mac 2016 yang lalu. Program *My Save Food* yang diterajui oleh MARDI di bawah *Food and Agriculture Organization* melibatkan Kementerian-Kementerian lain seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

Pihak Kementerian yakin menerusi inisiatif yang dijalankan ini adalah selaras dengan penggubalan Pelan Pembangunan Pengurusan Sisa Makanan bagi Sektor Industri, Komersil dan Institusi (2016-2026) yang amat menekankan kepada aspek meningkatkan kesedaran orang awam terutama pengusaha makanan mengenai tanggungjawab pengurangan sisa makanan dan kaedah perawatan yang sesuai digunakan bagi memastikan lebihan sisa makanan tidak terus dilupuskan di tapak pelupusan.